



**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

SIARAN MEDIA

**PELAWAAN PERMOHONAN
BIASISWA YANG DI-PERTUAN AGONG (BYDPA) TAHUN 2026**

PUTRAJAYA, 13 FEBRUARI – Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan sukacitanya mempelawa warganegara Malaysia yang cemerlang dalam bidang akademik dan bukan akademik untuk memohon Biasiswa Yang di-Pertuan Agong (BYDPA) bagi tahun 2026.

BYDPA, yang turut dikenali sebagai *King's Scholarship*, merupakan biasiswa paling berprestij di bawah JPA dan antara penajaan tertinggi Kerajaan bagi melahirkan pemimpin akademik dan profesional bertaraf dunia. Biasiswa ini menyasarkan individu berpotensi tinggi yang menunjukkan kecemerlangan secara holistik merangkumi pencapaian akademik, penglibatan bukan akademik, kepimpinan yang unggul serta komitmen terhadap pembangunan negara.

Biasiswa ini **ditawarkan kepada pelajar untuk melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana (Penyelidikan) dan Doktor Falsafah (Ph.D) secara sepenuh masa** di institusi pengajian tinggi tempatan atau universiti terkemuka dunia dalam bidang-bidang yang memberi impak besar kepada negara, seperti berikut:

- Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)
- Ekonomi
- Undang-Undang
- Kewangan Islam
- Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence*)

Calon yang berminat boleh **mengemukakan permohonan secara dalam talian** melalui portal rasmi JPA di <https://penajaan.jpa.gov.my> bermula **hari ini hingga 6 Mac 2026**.

Selepas melengkapkan borang permohonan, pemohon hendaklah:

- mencetak dan menandatangani borang permohonan;
- melampirkan dokumen sokongan yang diperlukan; dan

- mengemukakan dokumen lengkap kepada JPA **sebelum atau pada 13 Mac 2026 (Jumaat)** melalui serahan tangan atau pos ke alamat berikut:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 3, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p: Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan)

Permohonan ini juga dibuka kepada pegawai awam, tertakluk kepada syarat-syarat umum permohonan kemudahan Cuti Belajar yang berkuat kuasa. Panduan lengkap permohonan beserta syarat-syarat permohonan adalah seperti di **Lampiran A**.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, **silalahubungi talian 03 – 8885 3569/ 3438/ 3879/ 3571 atau e-mel kepada penawaranldp@jpa.gov.my**.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam
Tarikh : 13 Februari 2026
E-mel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.3 (37)

**SYARAT DAN TATACARA PERMOHONAN
BIASISWA YANG DI-PERTUAN AGONG (BYDPA) TAHUN 2026**

1.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Pemohon yang berminat hendaklah membaca dan memahami sepenuhnya syarat-syarat permohonan Biasiswa Yang di-Pertuan Agong (BYDPA) Tahun 2026 sebelum mengemukakan permohonan. Setiap pemohon hanya dibenarkan mengemukakan **satu (1) permohonan sahaja**.

Hanya permohonan yang memenuhi syarat serta melepasi saringan lanjut oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan disenarai pendek untuk menghadiri sesi temu duga. Sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan sekiranya pemohon gagal disenarai pendek.

Syarat-syarat permohonan BYDPA Tahun 2026 adalah seperti berikut:

SYARAT-SYARAT UMUM

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) Berumur tidak melebihi **35 tahun** pada **1 Januari 2026**;
- (iii) Pegawai / Pelajar yang menghidap penyakit kronik / berjangkit / penyakit yang memerlukan rawatan susulan dibenarkan untuk memohon kemudahan program ini untuk pengajian dalam negara;
- (iv) Pemohon yang memohon untuk mengikuti pengajian di luar negara hendaklah bebas daripada sebarang penyakit kronik, penyakit berjangkit atau penyakit yang memerlukan rawatan susulan serta disahkan sihat dan berupaya mengikuti pengajian sehingga tamat oleh Pegawai Perubatan yang bertauliah. Ahli keluarga pemohon (bagi pegawai awam sahaja) yang dibawa bersama sepanjang tempoh pengajian di luar negara juga hendaklah memenuhi keperluan kesihatan yang sama. Sekiranya laporan perubatan mengesahkan bahawa pemohon atau mana-mana ahli keluarga yang dibawa bersama menghidap penyakit kronik, penyakit berjangkit atau penyakit yang memerlukan rawatan susulan, penawaran kemudahan ini akan dibatalkan; dan
- (v) Pegawai awam yang memohon BYDPA adalah **tertakluk kepada syarat-syarat umum permohonan kemudahan Cuti Belajar** yang sedang berkuatkuasa.

SYARAT-SYARAT KHUSUS

- (i) Mempunyai keputusan akademik yang amat cemerlang di peringkat pengajian:
 - (a) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan dengan **CGPA minimum 3.75 atau kelas pertama** atau yang setaraf dengannya bagi **calon Sarjana**; atau
 - (b) Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana yang diiktiraf oleh Kerajaan dengan **CGPA minimum 3.75 atau kelas pertama** atau yang setaraf dengannya bagi **calon Ph.D**;
- (ii) Telah mendapat **tawaran tanpa syarat (*unconditional offer*) bagi pengajian secara sepenuh masa pada tahun 2026** di institusi pengajian tinggi tempatan atau universiti terkemuka dunia yang disenaraikan oleh JPA mengikut bidang pengajian seperti di **Lampiran 1** dan **Lampiran 2**;

atau

Telah **memulakan pengajian secara sepenuh masa pada tahun 2026** di institusi pengajian tinggi tempatan atau universiti terkemuka dunia yang **disenaraikan oleh JPA mengikut bidang pengajian** seperti di **Lampiran 1** dan **Lampiran 2**;
- (iii) Pengajian bagi peringkat Sarjana adalah **secara mod penyelidikan sahaja** yang mewajibkan penyediaan kertas penyelidikan, disertasi atau tesis;
- (iv) Terlibat dalam **penghasilan kerja-kerja kreatif dan inovatif** seperti penulisan¹, reka cipta seni atau teknologi dan sebagainya iaitu:
 - (a) **Calon Sarjana**: Penglibatan calon secara aktif adalah satu kelebihan;
 - (b) **Calon Ph.D**: Penglibatan calon adalah **wajib** (calon tiada penglibatan dianggap tidak memenuhi syarat dan tidak akan disenarai pendek untuk temu duga).
- (v) Keutamaan akan diberikan kepada calon yang aktif dalam kegiatan ko-kurikulum / aktiviti kemasyarakatan; dan
- (vi) Perlu menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan. Sebarang

¹ Penulisan yang dimaksudkan penulisan berbentuk ilmiah seperti jurnal, buku, artikel dan sebagainya.

pelanjutan tempoh penajaan tidak akan dipertimbangkan kecuali atas sebab-sebab yang dibenarkan.

Nota: Selain daripada syarat-syarat di atas, pemohon dalam kalangan penjawat awam masih tertakluk kepada syarat-syarat Cuti Belajar yang berkaitan.

2.0 BIDANG PENGAJIAN YANG DITAJA

Bidang pengajian yang ditaja di bawah BYDPA adalah:

- (i) Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM);
- (ii) Ekonomi;
- (iii) Undang-Undang;
- (iv) Kewangan Islam; dan
- (v) Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence*).

Subbidang pengajian bagi bidang-bidang di atas adalah seperti di **Lampiran 3**.

3.0 TATACARA PERMOHONAN

Permohonan boleh dibuat dengan melengkapkan borang permohonan secara dalam talian melalui portal <https://penajaan.jpa.gov.my> mulai **9 Februari hingga 6 Mac 2026**. Ruangan perakuan Ketua Jabatan² dalam borang permohonan **perlu dilengkapkan oleh pemohon yang terdiri daripada penjawat awam sahaja**.

Borang permohonan yang telah dilengkapkan hendaklah dicetak, ditandatangani serta dikemukakan kepada pihak JPA bersama-sama dengan dokumen-dokumen sokongan seperti yang berikut:

- (i) **Salinan ijazah pertama** atau setaraf (**skrol dan transkrip** yang disahkan oleh pegawai berkeelayakan bagi permohonan peringkat Sarjana dan Ph.D);
- (ii) **Salinan Ijazah Sarjana** atau setaraf (**skrol dan transkrip** yang disahkan oleh pegawai berkeelayakan bagi permohonan peringkat Ph.D);
- (iii) **Surat tawaran tanpa syarat (*unconditional offer*)** daripada universiti / institusi pengajian atau **slip / pengesahan pendaftaran semester pertama** pengajian;
- (iv) **Salinan sijil, surat atau apa-apa pembuktian / pengesahan penglibatan dalam penghasilan kerja-kerja kreatif dan inovatif** seperti penulisan, reka cipta seni atau teknologi dan sebagainya yang disahkan oleh pegawai

² Ketua Jabatan yang dimaksudkan adalah sekurang-kurangnya pegawai di peringkat mengetuai sesuatu bahagian di mana pegawai ditempatkan atau bahagian pengurusan sumber manusia di Kementerian / Jabatan / Agensi seperti Pengarah / Setiausaha Bahagian dan sebagainya.

berkelayakan untuk calon Sarjana (sekiranya ada) tetapi **wajib untuk calon Ph.D.**

- (v) **Salinan sijil, surat atau apa-apa pembuktian / pengesahan penglibatan dalam kegiatan ko-kurikulum / aktiviti kemasyarakatan** yang disahkan oleh pegawai berkelayakan.
- (vi) **Kertas cadangan penyelidikan (*Research Proposal*) dalam Bahasa Malaysia / Bahasa Inggeris untuk pengajian dalam negara atau Bahasa Inggeris bagi pengajian di luar negara.** Panduan menulis kertas cadangan penyelidikan adalah seperti di **Lampiran 4**;
- (vii) **Senarai penghasilan kerja-kerja kreatif dan inovatif serta penglibatan dalam aktiviti kokurikulum/ kemasyarakatan/ sukan seperti di Lampiran 5**; dan
- (viii) **Borang JPA(L)LDP1A/96** yang telah dilengkapkan sepenuhnya dan ditandatangani oleh pihak-pihak berkaitan (**hanya bagi pemohon yang merupakan penjawat awam sahaja**).

Dokumen permohonan yang lengkap seperti di atas hendaklah dikemukakan dan diterima oleh pihak JPA **sebelum atau pada 13 Mac 2025 (Jumaat)** sama ada melalui serahan tangan atau melalui pos ke alamat berikut:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 3, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p: Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan)

Nota: Dokumen permohonan yang lengkap daripada penjawat awam hendaklah dikemukakan oleh urus setia Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)³ setelah diperakukan oleh PPSM masing-masing. Urus setia PPSM hendaklah mengemukakan pencalonan kepada pihak JPA **sebelum atau pada 13 Mac 2026**.

³ PPSM yang dimaksudkan adalah PPSM yang dipengerusikan oleh Ketua Perkhidmatan masing-masing tanpa mengira Kementerian/Jabatan/Agensi penempatan pegawai kecuali bagi pegawai perkhidmatan gunasama (PTD dan PPSi) yang mana PPSM yang dimaksudkan adalah PPSM yang dipengerusikan oleh pegawai pengawal Kementerian masing-masing sahaja walaupun pegawai ditempatkan di Jabatan/Agensi di bawah Kementerian berkaitan.